

Kesantunan Bahasa Penulisan

Oleh **SARA BEDEN**

Bahasa merupakan wadah yang paling berkesan. Bahasa melambangkan bangsa. Sesebuah bangsa dikenali menerusi gaya dan lenggok bahasanya kerana bahasa ialah pakaian fizikal yang dapat diperhatikan, diteliti dan dihakimi dengan mata kasar oleh lingkungan di sekelilingnya.

Bahasa yang diujarkan oleh seseorang bukan sahaja mencerminkan hemah penutur, malah ujarannya itu dapat menyingkap dasar keperibadian dan kehalusan budi bicaranya. Hashim Ahmad dalam artikel beliau "Bahasa Menggambarkan Peribadi" menegaskan bahasa yang diucapkan oleh seseorang itu menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa ialah warisan bangsa.

Unsur bahasa yang dipilih seharusnya tepat, sesuai dan betul penggunaannya mengikut konteks agar tidak mencalarakan dan menggoreskan perasaan orang lain. Ujaran yang dizahirkan oleh seseorang dapat mencerminkan peribadinya dan adabnya berbahasa, sekali gus mewakili masyarakatnya. Oleh itu, perilaku dan adab dalam berkomunikasi sewajarnya dipelihara dan tidak boleh dipandang remeh.

Pendeta Za'ba memberikan penekanan terhadap tatacara berbahasa. Beliau menegaskan kelantangan suara perlu dikawal semasa berkomunikasi. Kita tidak perlu menjerit untuk menyampaikan sesuatu perkara yang ingin dibicarakan. Sifat merendah diri pula sewajarnya menjadi perhiasan peribadi agar sentiasa disenangi orang yang berada di sekeliling kita. Sikap ini menjadi kunci pembawaan diri yang mustajab agar bersikap sopan walau di mana-mana pun seseorang itu berada.

Sikap menunjuk-nunjuk akan mengakibatkan pihak di sekeliling kita berasa meluat atau benci. Oleh itu, sikap berhati-hati yang mengambil kira faktor orang yang dilawan bicara, konteks dan tujuan berkomunikasi perlu diberikan keutamaan agar tidak ada pihak yang tersinggung.

Pematuhan terhadap tatacara berkomunikasi akan mencitrakan kesopanan berbahasa sekali gus melancarkan dan mengharmonikan komunikasi. Aspek kesantunan bukan sahaja signifikan dalam komunikasi lisan, verbal dan bukan verbal, malah dititikberatkan sewajarnya dalam penulisan. Bidang penulisan memainkan peranan besar dalam menyebarkan ilmu ke serata pelosok dunia.

Sehubungan itu, kesantunan penulisan bermaksud kesopanan dan kehalusan ketika menggunakan bahasa yang melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa, ayat, dan ungkapan dalam penulisan. Aspek kesantunan yang perlu diberikan perhatian dalam penulisan, antaranya termasuklah penggunaan kata panggilan yang betul, pengaplikasian kata sapaan yang betul, gaya bahasa yang indah, pemilihan kata dan ayat yang sesuai dengan konteks, dan isi yang tidak menyentuh isu sensitif.


Komunikasi bertulis ialah proses menyampaikan dan menerima idea serta maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain secara bertulis. Dalam konteks kesantunan penulisan, beberapa faktor turut mempengaruhinya, misalnya tahap pendidikan, iaitu orang yang berpendidikan tinggi lazimnya lebih mempraktikkan dan memberikan penekanan terhadap aspek kesantunan berbahasa kerana mereka

terdedah dengan ilmu pengetahuan dan bahasa tinggi tentang kesantunan melalui pembacaan dan penggalian ilmu yang luas. Orang yang berpendidikan tinggi sentiasa meningkatkan keupayaan untuk memimba ilmu dan peka dengan pemilihan dan penggunaan bahasa berdasarkan konteks yang relevan.

Sehubungan itu, penggunaan bahasa yang gramatis turut memberikan kesan terhadap kesantunan penulisan. Aspek kesantunan ditandai dengan penggunaan bahasa yang tepat dan betul dalam setiap penulisan. Sementara, pemilihan dan penggunaan frasa yang menarik dan sesuai dapat membantu penulis untuk menghasilkan penulisan yang menarik dan berkualiti.

Setiap penulisan perlu mematuhi format dan peraturan penulisan. Penulisan yang baik perlu mengandungi tiga komponen, iaitu pendahuluan, isi dan penutup. Permulaan, isi dan pengakhiran penulisan yang sempurna harus diberikan penekanan dan dititikberatkan dengan menggunakan bahasa yang sopan, lemah lembut, mempunyai nilai budi bahasa yang tinggi di samping mematuhi peraturan bahasa seperti linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik.

Peraturan linguistik menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan bahasa sesuatu bahasa termasuk sebutan, intonasi dan tatabahasa, manakala peraturan sosiolinguistik pula memberikan fokus aspek ketertiban dalam hubungan sosial antara penulis dengan pembaca dalam bidang penulisan atau antara pembicara dengan lawan bicara dalam komunikasi tatap muka.



Majalah Dewan Bahasa, Julai 2018.

Sementara, peraturan pragmatik menitikberatkan penggunaan bahasa yang sopan dan berkesan berdasarkan situasi agar hasrat komunikasi tercapai.

Ketiga-tiga peraturan ini digabungkan bagi menghasilkan wacana yang bukan sahaja utuh, runtut dan bertaut, malah memiliki kesatuan selain terpelihara kesantunannya. Selain itu, penggunaan gaya bahasa yang indah seperti bahasa kiasan menerusi ungkapan yang melibatkan pengolahan idea juga perlu diberikan perhatian. Jelasnya, kesantunan penulis tidak hanya dibatasi oleh tatabahasa. Kesantunan penulis turut mementingkan penggunaan kata panggilan dan kata ganti nama yang sesuai, yang berupaya menggambarkan penulisnya yang berperibadi mulia.

Dalam artikel ini, bagi meneliti aspek kesantunan penulisan, penulis menggunakan contoh artikel yang tersiar dalam *Dewan Bahasa*, Julai 2018, iaitu

"Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda" oleh Mohamad Syafiq Rohaizad Buayong. Tajuk yang dikemukakan oleh pengarang amat bertepatan dengan inti pati yang dibicarakan secara tuntas dalam artikel ini.

"Perjuangan Bahasa Melayu di Tangan Anak Muda" dikupas secara rinci dan jelas. Pengarang memulakan wacana dengan membincangkan Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan keistimewaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perkara 152 yang disentuh oleh pengarang memberikan kekuatan dan kualiti kepada artikel ini bahawa bahasa Melayu tidak boleh diperlekeh. Seterusnya, pengarang menelusuri sejarah bahasa Melayu sejak dari zaman sebelum merdeka hingga negara kita mencapai kemerdekaan.

Pengarang turut menyentuh fungsi dan peranan penting golongan muda dalam memartabatkan bahasa Melayu, yang bertepatan dengan tajuk

artikel. Hal ini membuktikan bahawa penulis mematuhi tatacara penulisan. Wacana tulisan ini juga memiliki kesatuan organisasi maklumat yang lengkap, iaitu mempunyai pengenalan, isi kandungan dan penutup. Tajuk dan isi huraian sangat relevan dan memiliki pertalian.

Sarjana Barat yang memberikan fokus dalam bidang pragmatik, iaitu Grice amat menitikberatkan perkara ini melalui maksim relevan yang merupakan salah satu maksim dalam Prinsip Kerjasama Grice. Pertalian antara tajuk dengan isi kandungan memperlihatkan kepekaan penulis tentang pematuhan terhadap tatacara penulisan sekali gus memanasifasikan kesantunan berbahasa.

Penulis sangat menjaga sensitiviti hingga tidak ditemukan ungkapan yang menyinggung hati mana-mana pihak. Pengarang tidak menyalahkan atau mengutuk golongan

muda, sebaliknya memberikan cadangan agar golongan muda berjuang memartabatkan bahasa Melayu. Pengarang menggunakan ungkapan dan ayat yang santun seperti "Maka kita berpaling ke belakang untuk melihat sejarah" ketika membicarakan situasi bahasa Melayu yang masih terumbang-ambing, dan mengingatkan semua rakyat Malaysia agar mengkaji sejarah kegemilangan bahasa Melayu pada abad ke-19 dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Dalam konteks ini, pengarang menerapkan maksim kebijaksanaan untuk menyampaikan idea. Oleh hal yang demikian, pembaca dan golongan sasaran tidak tersinggung menerusi pesanan dan cadangan penulis yang bersifat terbuka dan positif.

Menyentuh aspek kesantunan berbahasa, pengarang banyak memberikan cadangan yang konstruktif kepada generasi muda agar berjuang memartabatkan bahasa Melayu, antara cadangan tersebut termasuklah "... dalam iktihar kita mengangkat martabat bahasa Melayu, kita sebenarnya memerlukan jalinan kerjasama serta buah fikiran daripada generasi muda" (hlm. 12). Cadangan ini memanasifasikan kredit dan kepercayaan yang diberikan oleh penulis kepada generasi muda dalam usaha menerajui perjuangan memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia.

Ayat "Seharusnya kita mengambil peluang daripada kecanggihan teknologi dan memanfaatkan kemajuan yang dikecip oleh negara untuk mengembangkan bahasa Melayu" (hlm. 13) pula menggambarkan cadangan pengarang kepada seluruh rakyat Malaysia agar bersama-sama menggunakan kesempatan ini untuk memajukan

bahasa rasmi kita ini. Pemilihan dan penggunaan kata ganti nama "kita" yang mewakili rakyat Malaysia menunjukkan pengarang ingin menonjolkan sifat kebersamaan dan kemesraan dalam penulisannya supaya seluruh rakyat Malaysia merasai kebersamaan tersebut, sekali gus berjuang untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Dalam ayat "Golongan muda harus bersedia dari segi minda dan tenaga untuk mengambil alih peranan yang dimainkan golongan muda terdahulu dan bersiap siaga dari segi ilmu untuk menggalas tanggungjawab ini demi kelangsungan dan kegemilangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu" (hlm. 13), memperlihatkan idea dan cadangan pengarang yang bernas di samping menyelitikan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi untuk menyedarkan golongan muda agar membuat persediaan rapi dari segi mental dan fizikal dalam memikul tanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu.

Pengarang artikel juga mengangkat kisah tokoh terkenal dalam sejarah Islam sebagai penggalakan kepada generasi muda agar terus berjuang memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini diperlihatkan melalui ayat "Sultan al-Fatih yang berjaya menawan kota Constantinople pada usia 21 tahun", "Usaman bin Zalid yang berjaya mengetahui angkatan tentera Islam ke wilayah Syam pada usia 18 tahun", "Imam Syafie yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah pada usia 15 tahun", dan Imam al-Ghazali yang sudah menjadi ilmuwan terkemuka pada usia 20 tahun".

Pengarang memuatkan pujian terhadap tokoh berkenaan atas kehebatan dan kejayaan mereka menempah kegemilangan dalam usia yang masih muda dalam pelbagai bidang. Pujian ini

berkeupayaan memberikan dorongan kepada generasi muda agar menjadikan tokoh sejarah tersebut sebagai teladan dalam melakukan sinergi memartabatkan bahasa rasmi negara.

Perkara ini bertepatan dengan gagasan Leech yang telah menengahkan maksim sokongan dengan menegakan kita sewajarnya memaksimumkan pujian untuk menyenangkan hati pihak lain sama ada dalam komunikasi tulisan ataupun lisan. Menurut Leech, tidak ada pihak yang tidak menyukai pujian, dan tidak ada pihak yang suka dicaci.

Pengarang memperlihatkan kekuatan dengan merujuk sumber berkualiti, iaitu mengemukakan maklumat yang lengkap dan tepat tentang kejayaan tokoh sejarah berkenaan, misalnya, "Sultan al-Fatih yang berjaya menawan kota Constantinople pada usia 21 tahun".

Melalui ayat "Imam Syafie yang layak mengeluarkan fatwa di Mekah", pengarang turut memperlihatkan penggunaan sumber yang sahih, iaitu tokoh imam yang benar-benar wujud dan terkenal di Mekah. Tindakan pengarang mengemukakan fakta ini menunjukkan bahawa pengarang amat peka dan prihatin terhadap sumber yang dirujuk bagi menghasilkan sebuah wacana yang berkualiti.

Perkara ini dapat dihubungkan dengan maksim kualiti yang dikemukakan oleh Grice, iaitu pengarang mengupas isu ini dengan mengutarakan contoh tokoh yang muhtabar, beribadah dan sememangnya wujud dalam sejarah Islam. Pembuktian ini menunjukkan bahawa wacana yang dihasilkan ini amat berkualiti atas faktor sumbernya tepat.

Pemilihan dan penggunaan kata panggilan hormat yang sesuai dan tepat dalam contoh tersebut

turut menzahirkan kepekaan dan kebijaksanaan pengarang yang menunjukkan sikap hormat kepada tokoh hebat dalam agama Islam berkenaan. Dalam artikel ini, penggunaan kata panggilan hormat "imam" merujuk Syafie dan al-Ghazali amat tepat dan santun. Imam Syafie ialah ulama yang mazhab beliau menjadi pegangan sebahagian umat Islam di dunia. Sementara, Imam al-Ghazali merupakan tokoh pemikir Islam yang dianggap *al-mujaddid* yang juga wali Allah. Ketepatan dan kesesuaian penggunaan kata panggilan ini menandakan pengarang seorang yang peka dan bijaksana dalam memastikan kesantunan penulisannya terpelihara.

Dalam konteks mewujudkan kesantunan berbahasa, pengarang turut menggunakan strategi pertanyaan. Pertanyaan yang dilontarkan oleh pengarang dalam artikel ini dapat memugarkan proses berfikir dan tidak menunjukkan unsur paksaan. Misalnya, dalam ayat "Dalam hal ini, adakah kita terfikir untuk mendekati golongan muda?" dan dalam ayat "Pernahkah diadakan program khusus untuk orang muda mencurahkan buah fikiran dalam isu berkaitan bahasa?". Walaupun pertanyaan berfungsi untuk mendapatkan ketepatan maklumat, tetapi dalam konteks artikel ini, pertanyaan berfungsi untuk menegaskan kepentingan isu memartabatkan bahasa Melayu oleh generasi muda.

Pengarang membuat penegasan terhadap usaha "Untuk mendekati golongan muda dan program khusus untuk orang muda mencurahkan buah fikiran". Secara tersirat, pengarang sebenarnya membuat permintaan terhadap khalayak pembaca atau golongan sasaran agar isu ini dapat diatasi, dan generasi muda dapat bersiap siaga memainkan peranan mereka.

Penggunaan pertanyaan memudahkan pembaca memahami dan memproses maklumat yang dihasratkan pengarang sekali gus menjadikan idea yang disampaikan jelas dan ringkas. Impaknya, penulisan ini menarik dan tidak memperlihatkan unsur paksaan walaupun pengarang berhasrat untuk meminta pihak tertentu memberikan perhatian terhadap isu berkenaan.

Pengarang juga menggunakan istilah yang relevan, tepat, sesuai, dan santun, misalnya "pejuang bahasa", "generasi pewaris", "berjiwa besar", "pelopor perjuangan", "generasi terdahulu", dan "pencinta bahasa" untuk menaikkan semangat perjuangan dan harapan kepada generasi muda agar memartabatkan bahasa Melayu yang diancam gelombang globalisasi dan tsunami revolusi.

Pengarang juga menggunakan ungkapan yang indah atau puitis seperti "api perjuangan", iaitu gaya bahasa metafora bagi mencerminkan semangat perjuangan yang tinggi yang harus dimiliki oleh rakyat Malaysia dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Penggunaan ungkapan yang indah merupakan satu ciri kesantunan dalam bidang penulisan.

Begitu juga dengan penggunaan ungkapan "berlembut lidah" yang membawa maksud bersuara lunak dan baik dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat dengan cara lebih lembut dan tidak agresif. Dalam usaha memberikan kesedaran, segala idea dan saranan wajar disampaikan dengan lembut dan sopan agar masyarakat memahaminya dan menerimanya dengan mudah.

Pengarang juga menyelitkan unsur nasihat melalui ayat "Sejarah tetap terpahat dan kita sebagai generasi pewaris sesungguhnya

perlu berterima kasih kepada generasi terdahulu yang begitu gigih memperjuangkan nasib bahasa Melayu hingga bahasa Melayu berjaya menjadi wadah utama dalam semua bidang" (hlm. 13).

Pengarang menggunakan kata tugas "perlu" dalam ayat ini, iaitu rakyat Malaysia dinasihatkan agar mengenang akan jasa generasi terdahulu yang telah mendaulatkan bahasa Melayu. Kata tugas "perlu", bersinonim dengan "berguna, berfaedah dan bermanfaat, yang sesuai digunakan untuk memberikan nasihat. Nasihat yang disampaikan dengan cara yang baik sudah tentu berupaya memberikan manfaat kepada khalayak.

Tuntasnya, artikel yang ditulis oleh Mohamad Shafiq Rohaizad, sarat dengan aspek kesantunan bahasa dan berjaya memperlihatkan dengan jelas agenda besar dan signifikan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memartabatkan bahasa Melayu.

Instut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak juga menetapkan para pelajar GSB 1012 (Kesantunan Masyarakat Malaysia) dari tahun 2017 hingga 2018 menggunakan artikel dalam majalah *Dewan Bahasa* untuk mengkaji aspek kesantunan berbahasa dalam penulisan dalam kerja kursus mereka.

Semoga bahasa Melayu terus "mengakar ke bumi, menjulang ke langit". Dan, semoga rakyat Malaysia menjadikan *Dewan Bahasa* bahan bacaan dalam usaha mengimarahkan budaya ilmu. **DB**

Dr. Sara Beden ialah Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak.